

**SKEMA JAWAPAN PPC 2023  
BAHASA MELAYU KERTAS 2**

**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

**Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada**

**Soalan 1: 8 markah**

**Soalan 2: 4 markah**

**Soalan 3: 11 markah**

**Soalan 4: 6 markah**

**Soalan 5: 6 markah**

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan **1 markah** bagi setiap kata adjektif perasaan yang betul.
2. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata adjektif perasaan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan **0 markah**.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan **0 markah**.
7. Petikan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan **0 markah**.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan **0 markah**.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan **0 markah**.
10. Tolak **1 markah** bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan. (Ayat perlu ada noktah)

**Soalan 1 – Morfologi**

Kata Adjektif Perasaan

- i) kagum – berasa amat tertarik, hairan, takjub
- ii) bangga - megah, besar hati
- iii) cinta - perasaan atau berperasaan sangat sayang kepada (negara, orang tua, kebebasan, dll)  
- perasaan atau berperasaan sangat berahi (asyik, kasih sayang) antara lelaki dan perempuan.
- iv) gembira – sangat suka, sangat girang

**(Maksimum : 8 markah)**

**Soalan 2 - Sintaksis**

1. Berikan **1 markah** bagi setiap jenis ayat perintah yang betul.
2. Menyalin ayat yang berkenaan dan melabelkan ayat tersebut.

- 1 Ayat : sila berikan laporan.  
Jenis Ayat : Ayat silaan
- 2 Ayat : Jangan sampai ada yang tertinggal.  
Jenis Ayat : Ayat larangan
- 3 Ayat : Minta bantuan anggota bomba untuk mengesahkan lokasi orang hilang melalui satelit.  
Jenis Ayat : Ayat permintaan.
- 4 Ayat : Tolong hantarkan pasukan untuk melawat lokasi tersebut.  
Jenis Ayat : Ayat permintaan

**(Maksimum : 4 markah)**

### Soalan 3 - Penyuntingan

#### Bahan 1 (Petikan)

Bil	Kesalahan	Pembetulan
1.	bukan	tidak
2.	taksiran	tafsiran
3.	mashur	masyhur
4.	menyedari	menyedarkan
5.	tanggung jawab	tanggungjawab
6.	ke dalam	dalam

(6 markah)

#### Bahan 2 (E-mel)

Bil	Kesalahan	Pembetulan
1.	May	Mei
2.	semua murid-murid	murid-murid/semua murid
3.	akibat	ekoran/ rentetan
4.	harap	berharap
5.	lain-lain masalah	masalah-masalah lain
6.	didahului oleh kami	kami dahului

(5 markah)

(Maksimum : 11 markah)

#### Panduan pemarkahan soalan 4

Deskripsi	Markah
• Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis.	6
• Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <b>masih</b> gramatis.	5
• Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <b>kurang</b> gramatis.	4
• Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis.	3
• Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <b>kurang</b> gramatis.	2
• Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <b>tidak</b> gramatis.	1
• Ayat disalin bulat-bulat.	0
• Isi <b>tidak</b> mengikut urutan.	0

#### **Soalan 4-Bahasa Melayu Standard**

Terdengar berita di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya disebabkan muntah darah dan dadanya seperti kena panah. Setelah Sultan Muzaffar Syah mendengar berita itu, titah baginda, “Benarlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah yang mempunyai keramat.”

Baginda memberi pujian kepada Tuan Sidi Arab dan memberikan penganugerahan yang selayaknya/sepatutnya. Setelah empat puluh dua tahun Sultan Muzaffar Syah menduduki takhta kerajaan, baginda mangkat.

**(6 markah)**

#### **Soalan 5 – Peribahasa**

- 1            Bagai aur dengan tebing
- 2            Kera sumbang
- 3            Ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak  
Ular biar mati, tanah jangan lekuk, buluh jangan pukah

**(6 markah)**

## BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 6 : 12 markah

Soalan 7. 13 markah

Soalan 8: 10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.

### Panduan pemarkahan soalan pemahaman

#### Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
• Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
• Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat <b>tidak</b> gramatis	1
• Jawapan <b>kurang</b> tepat / isi <b>tidak</b> cukup	
• Jawapan salah	0

#### Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
• Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <b>kurang</b> gramatis	2
• Isi <b>tidak</b> cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
• Isi <b>tidak</b> cukup / <b>tidak</b> menyentuh semua bahan	1
• Jawapan salah	0

#### Soalan 4 markah : Pemahaman teks

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan /relevan dengan tugas/ ayat gramatis	4
• Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <b>kurang</b> gramatis	3
• Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	
• Isi <b>tidak</b> cukup (1@2 isi) / <b>tidak</b> menyentuh semua bahan /ayat gramatis	2
• Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan /ayat gramatis	
• Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan /ayat <b>kurang</b> gramatis	1
• Jawapan salah	0

**Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel**

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup (3 isi) /relevan dengan tugas/ ayat gramatis	4
• Isi cukup (3 isi) / / relevan dengan tugas / ayat <b>kurang</b> gramatis	3
• Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / relevan dengan tugas ayat gramatis	
• Isi <b>tidak</b> cukup (1@2 isi) / ayat <b>kurang</b> gramatis	2
• Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat gramatis	
• Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat <b>kurang</b> gramatis	1
• Jawapan salah	0

**Soalan 6**

i. Maksud *menentukan matlamat*

Menetapkan/ memastikan tujuan/ objektif 2m

Menetapkan/ memastikan matlamat 1m

menentukan tujuan/ objektif 1m

ii. Punca-punca

**Bahan 1**

P1- sebagai sumber kewangan,

P2- untuk memenuhi minat peribadi yang sudah lama wujud.

**Bahan 2**

P1- kurangnya minat dalam bidang akademik

P2- menganggapnya sebagai satu beban

\* **NOTA: (isi cukup : 2 isi) Jawapan hendaklah dari Bahan 1 dan Bahan 2**

**(Isi cukup : 2 isi)  
[maksimum: 3 markah]**

iii. Kepentingan memilih kerjaya yang sesuai dengan minat dan potensi diri

P1- menjadikan individu lebih proaktif / meningkatkan potensi diri/  
menjadi pekerja yang cemerlang

P2- membantu mengekalkan motivasi untuk bekerja/ lebih bersemangat  
untuk bekerja

P3- kejayaan lebih mudah dicapai/ mampu memberi kejayaan

P4- meningkatkan kepuasan dan minat bekerja

P5- mengelakkan bertukar-tukar kerja

iv. Panduan yang boleh anda berikan kepadanya sebelum menghadiri temu duga tersebut

P1- menasihatinya agar berpakaian kemas dan sesuai dengan jawatan yang dipohon

P2- memintanya agar menyediakan semua dokumen sokongan yang diperlukan

P3- mencadangkan kepadanya supaya mencari maklumat tentang jawatan yang  
dipohon/ mengetahui latar belakang syarikat / majikan

P4- mencadangkannya/ menyuruhnya bertanya kepada orang yang lebih pakar/  
kaunselor/ berpengalaman

**(isi cukup : 3 isi)**  
**(maksimum : 4 markah]**

### **Soalan 7**

**(i)** maksud *jika sombong sanggup direndah*:

P1 sekiranya meninggi diri/angkuh/bongkak rela/ dapat/ boleh dibuang /diketepikan 2

P2 sekiranya meninggi diri/angkuh/bongkak rela/ dapat/ boleh direndah 1

P3 jika sombong rela/ dapat/ boleh dibuang /diketepikan 1

P4 sekiranya meninggi diri/angkuh/bongkak sanggup dibuang /diketepikan 1

**[Maksimum : 2 markah]**

**(ii)** **perbuatan negatif yang tidak sepatutnya dilakukan dalam kalangan masyarakat:**

### **Bahan 1**

P1 Perselisihan faham antara jiran

P2 Hasad dengki

**Bahan 2**

- P1 bermasam muka dengan jiran
- P2 berdendam/ menyimpan dendam
- P3 permusuhan yang berpanjangan

**Bahan 3**

- P1 perbuatan Punita yang tergamak memulangkan masakan gulai daging sapi yang diberikannya secara ikhlas.
- P2 dia berlagak seolah-olah tidak melihat kepulangan Punita
- P3 Dia tidak memberikan bubur kacang kepada Punita

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup: 3 isi]**

- (iii) Punca generasi muda kurang mengamalkan semangat kejiranan dalam kehidupan mereka

- P1 Ibu bapa kurang memberi didikan agama/ moral kepada anak-anak
- P2 Generasi muda sibuk dengan peranti elektronik/gajet/telefon bimbit
- P3 Generasi muda mempunyai sifat mementingkan diri sendiri/tidak suka bercampur dengan jiran
- P4 Kurang kempen kesedaran tentang semangat kejiranan/ kurang pendedahan media massa
- P5 Ibu bapa kurang memberikan penekanan/ pendedahan

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

- (iv) Tindakan yang akan anda lakukan untuk membantunya

- P1 saya akan menziarahi jiran saya / bertanya khabar
- P2 saya akan menyediakan makanan/ minuman/ keperluan asas
- P3 saya akan membawanya ke hospital/klinik/pusat rawatan
- P4 saya akan menghubungi anak-anaknya/ memaklumkan keadaan ibu/bapa mereka
- P5 saya akan meminta bantuan orang kampung/ketua kampung
- P6 saya akan menghubungi jabatan kebajikan masyarakat/ pihak berkuasa

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup: 3 isi]**

## Soalan 8

- i. Apakah perubahan-perubahan yang berlaku kepada penduduk kampung selepas mendengar kata-kata Haji Sulaiman?

P1 Rumahnya yang rebah, telah didirikan semula oleh orang-orang kampung secara bergotong-royong

P2 Kayu-kayu yang baharu, menurut Haji Sulaiman ialah sumbangan parti menggantikan kayu-kayu yang rapuh

P3 Orang perempuan memasak sementara orang lelaki mendirikan rumah.

P4 Tanpa disuruh, seperti sudah berpakat, semua sudah tahu tugas masing-masing.

**Maksimum : 4 markah**

**Isi cukup : 3 isi]**

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

1. Jawapan berdasarkan **dua buah novel** yang dipelajari.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
3. Beri **1 markah** bagi setiap isi/fakta/peristiwa yang betul.
4. Beri **1 markah** bagi ulasan/ huraian yang lengkap / jelas.
5. Markah isi maksimum **4 markah**
6. Markah bahasa maksimum **2 markah**, diberi secara gambaran seluruh.  
Baik : 2 markah  
Lemah : 1 markah
7. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri **1 markah** untuk bahasa.
8. Calon tidak menjawab **0 markah**

**[Maksimum : 6 markah]**

- i. Peristiwa yang menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan**

### Novel Di Sebalik Dinara

1. Peristiwa Farisha dan Rosman yang merupakan rakan kongsi perniagaan menghadiri simposium yang akan dirasmikan oleh Phillips Young, Presiden Persatuan Penggodam Antarabangsa untuk menambahkan pengetahuan mereka dalam bidang keselamatan sistem komputer.

**Huraian:** Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu pengetahuan untuk memajukan syarikat atau perniagaan yang dimiliki.

2. Peristiwa Karl berusaha untuk memajukan diri dan membuat kajian hingga mendapat pengiktirafan dengan memenangi anugerah inovasi peringkat kebangsaan. Dia juga bijak dalam bidang sains dan membuat pelbagai teknologi hingga berjaya mencipta cyborg seperti Aqram dan Khairul Anuar.



**Huraian:** Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dalam bidang teknologi untuk memajukan diri sendiri.

3. Peristiwa Shida yang ditawarkan untuk menulis rencana dan biografi tentang Dinara merupakan seorang penulis yang berkelulusan dalam bidang undang-undang.

**Huraian:** Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu untuk mendapat kepercayaan dan pengiktirafan daripada orang lain.

4. Peristiwa Aqram menawarkan Farisha untuk menjadi jururunding di Soft Lab dengan tujuan untuk membantunya menggodam virus demi menyelamatkan Dinara dengan bayaran RM 1.5 juta. Hal ini kerana Farisha sangat pandai dan mahir dalam bidang teknologi maklumat.

**Huraian:** Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu atau pentingnya kemahiran atau kepakaran dalam sesuatu bidang untuk menyelesaikan sesuatu masalah dalam pekerjaan.

### **Novel Silir Daksina karya Nizar Parman**

1. Peristiwa Ai Ling yang gigih berlatih mendeklamasikan sajak dengan Cikgu Zam pada setiap petang untuk menyertai pertandingan mendeklamasikan sajak. Ai Ling telah mendapat johan dalam pertandingan tersebut.

**Huraian:** Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu untuk memperoleh kejayaan dalam bidang yang diceburi.

2. Peristiwa Tauke Ong yang gigih mencari rezeki bagi menampung kehidupan keluarganya dengan menoreh getah pada waktu pagi dan memungut hasil kampung pada waktu petang demi mengumpul wang untuk pembelajaran anak-anaknya supaya anak-anaknya dapat mengecapi kehidupan yang lebih baik.

**Huraian:** Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dalam mengubah taraf hidup keluarga yang lebih baik.

3. Peristiwa Haikal yang bersungguh-sungguh mempelajari tarian Zapin Jincat bagi mempopularkan semula zapin tersebut di Kampung Seri Purnama.

**Huraian:** Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dalam mengekalkan seni warisan budaya yang kian pupus.

4. Peristiwa Haikal yang telah menerima tawaran melanjutkan pelajaran di Bumi Kenyalang (UNIMAS) dalam bidang sastera bagi mencapai cita-citanya.

**Huraian:** Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu demi menjamin masa depan yang lebih terjamin.

5. Peristiwa Ai Ling belajar menari tarian zapin dan menyertai kumpulan tarian zapin kanak-kanak di kampungnya.

**Huraian:** Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu untuk memahirkan diri dalam bidang seni dan budaya.

**Nota :**

**Haiqal / Haikal / Aiman**

**Abdullah bin Kayan / Cikgu Amirulnizam / Cikgu Zam**

**Ai Ling / Ong See Hwa**

**Tauke Lim / Tauke Ong**

**Umi / Rafiqah**

**Walid / Abdul Fatah**

( Mana-mana peristiwa yang sesuai diterima)

**BAHAGIAN C RUMUSAN**

**Soalan 9**

**Markah penuh 30 dibahagi kepada:**

- (a) Isi maksimum - 20 markah  
(b) Bahasa maksimum - 10 markah

**(a) Isi [20 markah]**

Nota:

- i. Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- Nama khas
- Perkataan berganda
- Penggunaan kata sendi di dan ke
- Tarikh
- Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- Gelaran
- Penanda wacana
- Peribahasa

ii. Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja diperiksa.

iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Selebihnya tidak perlu diperiksa.

iv. Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

v. Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

vi. Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus ialah 8 isi yang lengkap sahaja seperti jadual di bawah.

Bahagian	Bil Isi	Bilangan isi diterima (8 isi lengkap)												Markah maksimum
<b>Pendahuluan</b>														2
<b>Isi Bahan 1</b>														16
<b>Fokus 1 (A)</b> (Cara/ Langkah/ Usaha)	5	5	4	3	3	3	2	2	2	2	2	1	1	
<b>Fokus 2 (B)</b> (Manfaat/ Faedah/ Kebaikan)	3	1	2	3	2	1	3	2	2	2	1	3	2	
<b>Isi Bahan 2</b>														
<b>Fokus 1 (C)</b> (Cabaran/ Halangan/ Kekangan)	2	1	1	1	2	3	2	3	2	3	4	3	3	
<b>Isi Bahan 3</b>														
<b>Fokus 1 (D)</b> (Manfaat/ Faedah/ Kebaikan)	2	1	1	1	1	1	1	1	2	1	1	1	2	
Jumlah Isi	12	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	
Penutup / Kesimpulan														2
<b>Jumlah Markah</b>												<b>20</b>		

b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH	BAHASA
Cemerlang	8-10 markah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kesinambungan ayat sangat baik</li> <li>Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu.</li> <li>Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Pengolahan sangat menarik dan berkesan. Kesinambungan ayat baik. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat.</li> <li>Pengolahan menarik dan berkesan. Kesinambungan ayat kurang baik. Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu.</li> <li>Penggunaan kosa kata kurang luas dan kurang tepat. Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan. Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.</li> </ul>
Baik	5 - 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kesinambungan ayat sangat baik.</li> <li>Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu.</li> <li>Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Pengolahan sangat menarik dan berkesan</li> </ul>

Sederhana	3 - 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan ayat baik. Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu.</li> <li>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Pengolahan menarik dan berkesan. Kesenambungan ayat kurang baik. Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu.</li> <li>• Penggunaan kosa kata kurang luas dan kurang tepat. Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan. Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami</li> </ul>
Lemah	1 - 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami</li> </ul>

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 markah ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5.
- Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan berikan 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

**(Maksimum: 10 markah)**

## Soalan 9 – Rumusan

### Pendahuluan:

	Pendahuluan	Markah
<b>P1</b>	Rumusan membincangkan cara/ langkah/ usaha memajukan sukan lasak dan manfaat/ faedah/ kebaikan sukan lasak serta cabanan/ halangan/ kekangan memajukan sukan lasak	<b>2</b>
<b>P2</b>	Rumusan membincangkan cara/ langkah/ usaha memajukan sukan lasak dan manfaat/ faedah/ kebaikan sukan lasak	<b>1</b>
<b>P3</b>	Rumusan membincangkan cara/ langkah/ usaha memajukan sukan lasak dan cabanan/ halangan/ kekangan memajukan sukan lasak	<b>1</b>
<b>P4</b>	Rumusan membincangkan manfaat/ faedah/ kebaikan sukan lasak dan cabanan/ halangan/ kekangan memajukan sukan lasak	<b>1</b>
<b>P5</b>	Rumusan membincangkan cara/ langkah/ usaha memajukan sukan lasak	<b>1</b>
<b>P6</b>	Rumusan membincangkan manfaat/ faedah/ kebaikan sukan	<b>1</b>
<b>P7</b>	Rumusan membincangkan cabanan/ halangan/ kekangan memajukan sukan lasak	<b>1</b>

**Isi:****Bahan 1**

<b>A</b>	<b>Fokus 1 (cara/ langkah/ usaha memajukan sukan lasak)</b>	<b>Markah</b>
<b>A1</b>	menjana pendapatan	<b>2</b>
<b>A2</b>	menjadi terapi minda	<b>2</b>
<b>A3</b>	dijadikan sebagai kerjaya sepenuh masa	<b>2</b>

<b>B</b>	<b>Fokus 2 (manfaat/ faedah/ kebaikan sukan lasak)</b>	<b>Markah</b>
<b>B1</b>	Guru di sekolah dan pihak universiti harus menggalakkan penglibatan pelajar dalam sukan lasak	<b>2</b>
<b>B2</b>	Sokongan ibu bapa amat diperlukan	<b>2</b>
<b>B3</b>	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula telah bekerjasama dengan kementerian lain membangunkan fasiliti sukan lasak.	<b>2</b>
<b>B4</b>	kerjasama kerajaan dengan penganjur acara sukan lasak amat diperlukan dari segi bantuan kewangan	<b>2</b>
<b>B5</b>	kerjasama kerajaan dengan penganjur acara sukan lasak amat diperlukan dari segi khidmat nasihat	<b>2</b>

**Bahan 2**

<b>C</b>	<b>Fokus 1 (cabaran/ halangan/ kekangan memajukan sukan lasak)</b>	<b>Markah</b>
<b>C1</b>	Kos yang tinggi	<b>2</b>
<b>C2</b>	Kemudahan terhad	<b>2</b>

**Bahan 3**

<b>D</b>	<b>Fokus 1 (sukan lasak)</b>	<b>Markah</b>
<b>D1</b>	menguji adrenalina	<b>2</b>
<b>D2</b>	mendekatkan peserta dengan alam semula jadi	<b>2</b>

**Kesimpulan**

<b>K</b>		<b>Markah</b>
<b>K1</b>	Kesimpulannya, sukan lasak perlulah dimajukan agar masyarakat hidup sihat	<b>2</b>
<b>K2</b>	Kesimpulannya, sukan lasak perlulah dimajukan	<b>1</b>

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**